

Wasiyyah urus harta RM80 billion

Sebanyak 350 kes pusaka pelanggan yang telah meninggal dunia berjaya diselesaikan

KUALA LUMPUR

Wasiyyah Shoppe Berhad, syarikat amanah patuh syariah peneraju di Malaysia mengumumkan nilai harta pusaka dan harta hibah yang telah berjaya diuruskannya bagi pihak pelanggan yang telah meninggal dunia.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Ariffin Sabirin berkata, semenjak beroperasi pada tahun 2004, sebanyak 350 kes pusaka pelanggan yang telah meninggal dunia berjaya diselesaikan di Pejabat Pusaka Kecil atau Mahkamah Tinggi Sivil dalam tempoh purata antara tiga hingga lapan bulan dengan nilai harta pusaka yang diuruskan mencecah RM600 juta.

Bagi kes hibah pula, katanya, sebanyak 300 kes telah diselesaikan dengan nilai harta hibah diterima waris pula mencecah RM 210 juta.

"Ini menjadikan nilai kes harta pusaka dan hibah yang telah berjaya diuruskan oleh Wasiyyah Shoppe sejumlah RM810



Lebih daripada 65,000 orang Islam telah menggunakan perkhidmatan perancangan harta dan pengurusan pusaka daripada Wasiyyah Shoppe semenjak penubuhannya pada tahun 2004.

juta semenjak 2004.

"Kelebihan utama Wasiyyah Shoppe ialah kami satu-satunya syarikat amanah patuh syariah yang mampu menguruskan kes harta pusaka dan hibah tanpa waris perlu membayar apa-apa fi, tanpa harta pusaka dipotong walau satu sen pun atau sekiranya adapun fi, ia hanyalah jumlah yang sangat minimum," katanya dalam satu kenyataan akhbar semalam.

Konsep perkhidmatan Wasiyyah Shoppe bersifat butik yang mana hampir semua keperluan perancangan harta umat Islam dapat dipenuhi melalui 35 jenis perkhidmatan yang ditawarkan telah berjaya meletakkannya sebagai syarikat amanah peneraju bagi segmen pasaran umat Islam.

Beliau berkata, sehingga 31 Disember 2019, lebih daripada 65,000 orang Islam telah menggunakan perkhidmatan perancangan harta dan pengurusan pusakanya sejak penubuhannya pada 2004.

Kami ingin membantu umat Islam merancang harta dan mengurus pusaka mengikut hukum syarak sepenuhnya tetapi dalam masa yang sama tidak membebangkan waris dari segi fi pengurusan pusaka."

- Ariffin



"Daripada jumlah tersebut, hampir 35,000 orang telah menggunakan perkhidmatan hibah manakala bakinya menggunakan perkhidmatan pengurusan harta pusaka kami.

"Daripada jumlah pelanggan itu pula nilai harta pusaka yang dijangka bakal diuruskan mencecah RM25 bilion manakala nilai harta hibah yang bakal diuruskan pula mencecah RM10 bilion," kata Ariffin.

Katanya, dengan nilai kes yang berjaya diselesaikan sejumlah RM810 juta dan nilai kes pelanggan sedia ada mencecah RM35 bilion, Wasiyyah Shoppe menyasarkan nilai harta pusaka dan hibah keseluruhan yang bakal diuruskan menjelang 2022 mampu mencecah sehingga RM80 bilion.

"Inilah sebenarnya matlamat penubuhan Wasiyyah Shoppe. Kami ingin membantu umat Islam merancang harta dan mengurus pusaka mengikut hukum syarak sepenuhnya tetapi dalam masa yang sama tidak membebangkan waris dari segi fi pengurusan pusaka kerana bagi pelanggan yang sudah merancang dengan baik semasa hidupnya, kebanyakannya kes pusaka dan hibah mereka tiada fi dikenakan kepada waris atau harta pusaka itu sendiri," katanya.

Menurut beliau, Wasiyyah Shoppe yakin sasaran ini mampu dicapai kerana faktor kesedaran umat Islam yang semakin meningkat mengenai kepentingan perancangan harta di samping pertambahan jumlah perunding profesionalnya yang mencecah 2,000 orang di seluruh Malaysia.